



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000  
: 04-774 4010  
Faks : 04-733 0910  
: 04-733 8717  
: 04-774 4578  
: 04-774 4643

Ruj. Kami : ( 12 )dlm.P.Kw.N(K)1521 Jld.2  
Tarikh : 09 Disember 2014  
16 Safar 1436

**SEMUA KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 6 /2014  
PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN  
DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2014**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran Imbuhan Tahunan Tahun 2014 kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana dan Bayaran Khas Prestasi kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
- 1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersamaan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2014

**2. ASAS PERKIRAAN**

- 2.1. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 dibayar setengah bulan gaji atau minimum RM 500.00 adalah dibayar secara pro-rata (proportionate) kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah bekhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014.
- 2.2. Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Prestasi yang perlu dibayar hendaklah dikira berdasarkan kepada gaji pokok bulan Disember 2014 (termasuk Elaun Memangku) atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2014

**3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

- 3.1. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan dibayar dalam bulan Disember 2014. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi:-

**3.1.1. Cukai Pendapatan**

Cukai Pendapatan tidak dipotong dari amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang hendak dibayar, tetapi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tersebut akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk

tujuan penaksiran cukai pendapatan. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri digalakkan untuk menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

3.1.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Di bawah tafsiran ‘Upah’ dalam Seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

3.1.3 Bayaran bagi Pegawai di bawah Sistem Gaji Berkomputer

Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di mana gajinya dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer perkara berikut hendaklah diambil maklum:-

- i. Penyata Perubahan (Kew.8) tidak perlu disertakan. Perpendaharaan Negeri akan mengeluarkan **Laporan G004** sebagai ganti Borang Perubahan Gaji.
- ii. Jabatan hendaklah menyemak amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar seperti di dalam **Laporan G 004** terutama sekali mereka yang tidak layak menerimanya secara *proportionate* seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2014.
- iii. Sebarang pindaan di **Laporan G004** tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:
  - a. meninggal dunia
  - b. bersara
  - c. Kenaikan gaji Tahunan/KUP/Kenaikan Pangkat (sertakan Kew 8 yang telah diluluskan)
  - d. Cuti tanpa gaji

**Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri; dan**

iv. **Laporan G004** hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

“Dengan ini disahkan bahawa maklumat/data **Laporan G004** (termasuk pindaan / bayaran secara proportionate) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut.”

(Tandatangan & Cop Jabatan)

dan dihantarkan kepada Perpendaharaan Negeri Kedah Darul Aman tidak lewat dari hari **Khamis 11 Disember 2014 jam 03.30 petang**.

- v. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam **Laporan G 004** seperti di para 3.1.3.(ii) tetapi gajinya adalah diproses dalam Sistem Gaji Berkomputer, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta-merta.

- vi. Jabatan hendaklah mematuhi pekeliling (perlu membuat bayaran secara proportionate bagi meninggal dunia / bersara / lantikan baru) serta bertanggungjawab memungut balik lebihan bayaran tersebut.  
**(contoh pengiraan seperti didalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2014)**

**3.1.4. Pembayaran Melalui Baucar Berasingan**

Bagi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan (Kew. 8) dan dokumen sokongan yang lain.

**3.1.5. Pelarasan Untuk Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi**

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Jabatan dalam bulan Disember 2014 sahaja. Selepas tarikh tersebut jabatan perlu mendapat kelulusan khas daripada YB Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri /Tuan Bendahari Negeri.

**3.1.6. Kod Urus Niaga**

- i. Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut:-

KOD SODO	KOD ELAUN (PAYROLL)	PERIHAL
15103	7666	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
13101		Caruman KWSP
15105	7666	Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama
29304		Imbuhan Tahunan pekerja Sementara dan Sambilan yang tidak menyandang Jawatan Tetap
29303		Caruman KWSP

4. Oleh yang demikian pohon kerjasama Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam hal ini dan sekiranya mempunyai kemusykilan, sila hubungi Seksyen Emolumen Perbendaharaan Negeri di talian 04-7744605 / 4608 untuk penjelasan.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**( DATO' WIRA HJ. KHAZALI BIN HJ. DIN )**  
**DSDK.,AMK.,BCK.,ASK.,BPL.**

- s.k. Y.B. Dato' Wira Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
 Bendahari Negeri Kedah Darul Aman  
 Pengarah Audit Negara, Cawangan Negeri Kedah